



## **KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Segera  
18 November 2021**

### **ASN EQUITY GLOBAL PILIHAN PELABUR YANG INGINKAN PENDEDAHAN PASARAN GLOBAL**

*Lebih 740 juta unit telah dilanggan sejak diperkenalkan pada bulan September*

**KUALA LUMPUR, 18 November 2021** – Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini secara rasmi melancarkan dana unit amanah harga berubah terbaharu, ASN Equity Global. Dana ASNB pertama yang memfokuskan sepenuhnya kepada ekuiti global ini menawarkan peluang kepada semua warga Malaysia untuk mempelbagaikan pelaburan mereka dalam pasaran antarabangsa.

Majlis pelancaran dana terbaharu ASNB ini telah disempurnakan oleh Pengerusi Kumpulan PNB, Tun Arifin Zakaria pada majlis pelancaran Minggu Saham Digital 2020 (MSD 2021) hari ini.

Konsep dan inisiatif baharu yang diperkenalkan ASNB ini menjadi pilihan buat pelabur yang cenderung kepada pelaburan global berteraskan megatrend dan saham-saham tematik untuk menjana pulangan jangka masa panjang. Setakat 15 November 2021, lebih 740 juta unit telah dilanggan melibatkan lebih 14 ribu pelabur sejak ASN Equity Global mula ditawarkan pada 1 September yang lalu.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn berkata, “ASN Equity Global merupakan usaha ASNB untuk memperkenalkan konsep pelaburan kontemporari yang menepati cita rasa pelabur yang ingin mendapatkan pulangan menerusi pasaran ekuiti global. Pelaburan dalam dana ini juga sesuai bagi pelabur yang mempunyai tahap risiko tinggi dan menginginkan pulangan yang lebih tinggi dalam jangka masa panjang.”

“Para pelabur boleh memantau prestasi pelaburan mereka dengan mudah di portal dan aplikasi myASNB serta perbankan internet, dan mereka turut menikmati caj jualan yang lebih rendah.”

Sempena penganjuran MSD 2021 yang bermula dari 17 hingga 23 November 2021, ASNB tidak akan mengenakan sebarang caj jualan untuk semua pelaburan melebihi RM1,000 dalam dana-dana harga berubah melalui portal dan aplikasi myASNB.

Pelabur yang berminat boleh mendapatkan khidmat nasihat berkaitan pelaburan ASN Equity Global dan dana harga berubah lain daripada pegawai kewangan bertauliah di 32 pejabat cawangan ASNB dan lebih 2,700 cawangan ejennya. Ini termasuk maklumat tentang keseluruhan portfolio pelaburan yang disediakan dan panduan bagaimana mengenal pasti jenis dana yang sesuai mengikut tahap toleransi risiko masing-masing. Maklumat lanjut mengenai ASN Equity Global dan lain-lain tabung/dana? juga boleh didapati di laman web ASNB di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).

- TAMAT-

#### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

#### **Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini menguruskan 16 dana unit amanah dengan lebih 270 bilion unit dalam edaran (UIC) dan lebih 14 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

#### **ASN Equity Global**

ASN Equity Global ialah dana unit amanah harga berubah yang diperkenalkan pada 1 September 2021. Ia merupakan dana ekuiti yang sesuai untuk pelabur yang memilih untuk memiliki pelaburan dengan pendedahan global dan berpotensi mendapat peningkatan modal, mempunyai tahap toleransi risiko yang tinggi, serta memahami risiko dan profil pulangan pelaburan di pasaran modal tempatan dan global.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**